



IPT perlu rangka pelan pengajian selari permintaan pasaran

Oleh [Ruwaida Md Zain](#) - November 26, 2022 @ 12:20pm
bhnews@bh.com.my



Pro-Canselor UiTM, Tengku Permaisuri Norashikin

SHAH ALAM: Inisiatif memanfaatkan teknologi tinggi dan pertumbuhan berasaskan digital dilihat sebagai penyelesaian bagi isu pengangguran belia, kebolehpasaran siswazah, perlindungan pekerja serta pembangunan bakat.

Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin bertitah, ia sekali gus dapat meningkatkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan taraf hidup sesebuah keluarga.

"Untuk itu, institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara perlu memastikan perangkaan pelan pengajian selari dengan permintaan pasaran terutama dalam bidang yang boleh membentuk masa depan negara.

"Bahkan, saya pasti Universiti Teknologi Mara (UiTM) melihat perkara ini lantas mengambil inisiatif dengan merangka program baharu itu.

"Hasrat kita untuk melihat graduan mendapat pekerjaan, sekali gus membantu meningkatkan ekonomi keluarga," titah baginda sempena Istiadat Konvokesyen UiTM ke-95 di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM, di sini, hari ini.

Tengku Permaisuri Norashikin selaku Pro-Canselor UiTM berangkat ke sidang pertama istiadat itu mewakili Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selaku Tuanku Canselor UiTM.

Baginda percaya UiTM akan terus relevan bagi membangunkan pendidikan Bumiputera sesuai dengan asas penubuhannya 61 tahun lalu.

"Bagi membina masa depan anak-anak Bumiputera, dari 2020 hingga 2022, saya difahamkan UiTM merangka dan menawarkan 41 program baharu di peringkat sijil, diploma, sarjana muda dan pascasiswazah dalam bidang dikenal pasti memerlukan tenaga kerja mahir dalam usaha memacu Malaysia ke arah negara maju.

"Penawaran program baharu amat penting dalam menambahkan jumlah Bumiputera profesional di negara ini.

"Matlamat penubuhan universiti ini perlu dipenuhi supaya keseimbangan guna tenaga dapat diwujudkan terutama untuk membantu anak golongan B40 dan M40 dalam sektor pekerjaan," titah baginda.

Tengku Permaisuri Norashikin bertitah, dalam usia 61 tahun UiTM melahirkan ribuan sarjana, ilmuan, cendekiawan dan pemimpin yang mengemudi negara melalui pelbagai cabaran.

"UiTM adalah universiti utama pilihan ibu bapa dan pelajar kerana kemampuannya menyerlah potensi dan membentuk masa depan pelajar.

"UiTM juga menjadi tumpuan kerjasama daripada syarikat besar seperti TalentCorp dan TalentBank dalam pelbagai aktiviti yang boleh membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan dari universiti ini," titahnya.

Tengku Permaisuri Norashikin turut mengucapkan tahniah kepada 31,220 graduan yang berjaya menamatkan pengajian mereka di UiTM pada konvokesyen kali ini.

Baginda turut menzahirkan ucapan tahniah di atas penganugerahan Profesor Emeritus kepada Datuk Dr Ow Chee Sheng yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat khusus dalam bidang kejuruteraan mekanikal.